

# Musa tidak akan

Oleh NOR AZAM SHAIRI

UM 16 JUN 2003

**K**UALA LUMPUR 15 Jun — Bekas Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Musa Hitam berkata, beliau tidak akan mencabar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden UMNO kerana keputusannya bersara daripada politik adalah muktamad.

Oleh itu katanya, soal beliau akan mencabar Abdullah selepas Timbalan Presiden UMNO itu mengambil alih jawatan Presiden daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Moha-

mad Oktober ini tidak timbul sama sekali.

“Soal mencuba (cabar Abdullah) tidak timbul langsung. Saya harap nama saya tidak lagi dikaitkan untuk mencabar pucuk pimpinan (UMNO),” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir dalam wawancara dengan *Mingguan Malaysia* hari ini yang bimbang berlaku perebutan jawatan dalam parti selepas beliau meninggalkan parti.

Ketika ditanya adakah beliau menjangka orang seperti

Tengku Razaleigh Hamzah dan Musa akan muncul semua dan bersaing jawatan Presiden parti, Dr. Mahathir dengan nada yakin berkata:

“Saya tidak fikir ia akan berlaku. Jika mereka lakukan, mereka akan kalah.”

Musa yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau bersetuju 100 peratus dengan kenyataan Dr. Mahathir bahawa beliau (Musa) tidak akan kembali bertanding apa-apa jawatan pun dalam UMNO.

Jika bertanding sekalipun, kata Musa, beliau tentu akan kalah seperti yang ditegaskan oleh Dr. Mahathir.

## cabar Abdullah

Kata Musa lagi, ini kerana beliau sudah tidak aktif dalam politik sejak begitu lama termasuk tidak memegang apa-apa jawatan dari peringkat cawangan hingga ke pusat.

Malah, beliau juga tidak mempunyai kerusi di Parliamen ataupun jawatan dalam Kabinet.

Beliau juga memberitahu telah lama menolak apa juga jemputan dari mana-mana cawangan mahupun bahagian dan jika hadir sekalipun, hanya sebagai tetamu.

“Saya anggap saya sudah tua dan veteran, jadi tidak perlu cuba untuk kembali ak-

tif kerana saya percaya kepada kemampuan UMNO untuk mencari bakat-bakat baru.

“Abdullah sendiri adalah bakat baru. Dan kalau lihat sejarah saya dalam UMNO, saya sentiasa cari bakat-bakat baru.

“Sekarang pun saya boleh tunjuk sesetengah pemimpin yang ada hari ini adalah atas usaha saya,” jelasnya.

Sehubungan itu beliau menegaskan pendiriannya yang tidak akan mencabar Abdullah atau sesiapa sahaja dalam UMNO.

“Ini masa mereka (bakat baru) dan kita tidak harus kacau mereka,” ujarnya.

Oleh itu katanya, ahli UMNO dari semua peringkat perlu memberi sokongan kepada Abdullah untuk memimpin parti dan negara.

“Mereka yang ada cita-cita pun harap bersabarlah kerana pelantikan Abdullah itu nampaknya telah dipersetujui oleh semua,” kata Musa.

Katanya, beliau bukan membuat deklarasi untuk mengundur diri dari politik sebaliknya memang telah lama berundur.

“Kalau saya hadir dalam mana-mana majlis UMNO, itu adalah kerana saya bangga menjadi ahli UMNO,” ujar beliau.